

628:

MAHATHIR-YURAN

1975

132

KUALA LUMPUR, 16 APRIL (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MENJELASKAN HARI INI KENAIKAN YURAN KEMASUKAN PEPERIKSAAN HSC/STP DAN MCE/SPM BARU-BARU INI TELAH DITETAPKAN OLEH LEMBAGA PEPERIKSAAN CAMBRIDGE DAN BUKAN KEMENTERIAN PELAJARAN. BELIAU MEMBERITAHU SIDANG AKHBAR DISINI BAHAWA PEHAK CAMBRIDGE TELAH MENGAMBIL LANGKAH TERSEBUT MEMANDANGKAN KENAIKAN KOS MENGELO-LAKAN PEPERIKSAAN TERSEBUT.

+PEHAK CAMBRIDGE ADALAH SEBUAH BADAN SUKAN KERAJAAN DAN TERPAKSA MENGHARAPKAN KEPADA SUMBER-SUMBER KEWANGANNYA SENDIRI, + TEGASNYA.

DR. MAHATHIR BERKATA BAGAIMANAPUN KEMENTERIAN TELAH DIBERI JAMINAN OLEH CAMBRIDGE BAHAWA KENAIKAN ITU ADALAH PADA KADAR YANG MINIMA DAN MASIH RENDAH BERBANDING DENGAN BAYARAN YANG DIKENAKAN BAGI PEPERIKSAAN YANG SAMA DI UNITED KINGDOM.

YURAN-YURAN BARU MENGIKUT PEPERIKSAAN ADALAH SAPERTI BERIKUT:

SPM NAIK DARI \$76.55 SEN KEPADA \$93.15 SEN BAGI BILANGAN MATAPELAJARAN YANG MAKSIMA, MCE DARI \$83.70 KEPADA \$103.61, DAN HSC/STP DARI \$80.90 KEPADA \$99.80 BAGI EMPAT MATAPELAJARAN PRINSIPAL DAN SATU SUBSIDIARI. -- BERNAMA 2015/SZ